

K2 : Soalan Esei Bahagian B

6.2 Ancaman Komunis di Negara Kita

4. Pelbagai tindakan yang telah dilakukan oleh Parti Komunis Malaya bagi melumpuhkan ekonomi negara. Hal ini bertujuan untuk merampas kuasa dari pihak British untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara Republik Komunis. (Buku teks m.s. 148 – 151)

(a) Perihalkan peristiwa serangan komunis terhadap Pasukan Keselamatan pada tahun 1948?

(6 markah)

(b) Pengenalan Undang-Undang Darurat tidak memberi impak kepada Parti Komunis Malaya. Pelbagai usaha dilakukan bagi memastikan keharmonian dan keamanan negara tergugat. Bincangkan.

(6 markah)

(c) Pelaksanaan Darurat mengakibatkan ramai rakyat yang terpaksa hidup dalam kesengsaraan dan ketakutan. Sebagai warganegara yang prihatin, bagaimanakah caranya agar Peristiwa Darurat ini tidak berulang kembali.

(8 markah)

6.3 Usaha Menangani Ancaman Komunis

5. Kemasukan komunis ke negara telah banyak memusnahkan kemudahan yang terdapat di negara kita.

(Buku teks m.s. 152 - 160)

(a) Jelaskan usaha British bagi menguatkuasakan undang-undang Darurat.

(6 markah)

(b) Terangkan langkah yang dilakukan oleh British semasa Perang Saraf untuk membanteras komunis di Tanah Melayu.

(6 markah)

(c) Jelaskan Iktibar daripada ancaman Parti Komunis Malaya di Negara Kita.

(8 markah)